

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

30 MAC 2019

SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	NO REPLACEMENT CLASSES FOR 111 SCHOOLS	2
SINAR HARIAN	MURID, GURU DISARAN PAKAI TOPENG MUKA	3
SINAR HARIAN	TIADA ELAS GANTI : EXCO	4
SINAR HARIAN	SUNGAI SELANGKAH PUN TERCEMAR	5
KOSMO	TIDAK PERLU KELAS GANTI	6



# THE STAR

## No replacement classes for 111 schools

**JOHOR BARU:** All 111 schools closed due to the chemical waste pollution in Sungai Kim Kim need not hold replacement classes.

Johor Islamic Religious Affairs and Education Committee chairman Aminolhuda Hassan said the teaching and learning sessions at all the schools would go on as usual, after the schools re-open tomorrow.

"Since we have declared the school closure due to safety reasons (disaster), the leave need not be replaced.

"Examinations will also not be postponed, but teachers are expected to complete the syllabus to ensure that students are prepared to take the exams," he said.

Aminolhuda told reporters this in response to a statement by Education Minister Dr Maszlee Malik on Tuesday who has left it to the State Education Department to decide whether replacement classes should be held for the period the schools were closed. — Bernama

*The Star 30/3/2019.*



# SINAR HARIAN

18

Sinar Harian - 30/3/19.

SABTU 30 MAC 2019 • SINAR HARIAN

## SENTRAL

HUBUNGI SEKAD JHORE, MELAKA &amp; NEGERI SEMBILAN MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796 &amp; SARINAH MAT KASIM - 019-8202363

### 'Harap pencemaran tak berulang'

PASIR GUDANG - Penduduk setempat berharap insiden pencemaran kimia di daerah ini yang mengemparkan negara tidak berulang lagi.

Mahani Madon, 40, yang juga ibu kepada murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort berharap pihak berkuasa segera menjalankan pemeriksaan sekiranya menda pat aduan.

"Kalau boleh tak nak jadi lagi. Apabila ada aduan teruslah buat pemeriksaan.

"Sebelum kejadian ini kita dah biasa bau busuk di kawasan rumah tapi tak fikir sam-pai teruk macam ini," katanya.

Mahani berkata, dia dan anak-anak menyela matkan diri ke Tangkak ketika kerja pembersihan dijalankan.

"Masa itu anak balik sekolah dah mual-mual, jadi saya mandikan terus dan bagi minum susu.

"Apabila saya dapat tahu kerja pembersihan akan bermula saya terus bawa anak-anak ke kampung. Ini pun kami sekeluarga baru balik semula ke Pasir Gudang," katanya.

Seorang lagi penduduk, Umi Kalshum Thajam, 46, berkata, mereka sekeluarga berkurung di rumah sepanjang tempoh pencemaran. "Kami tak keluar ke

mana sebab anak dan suami kerja jadi saya dan anak yang sekolah cuma berkurung dalam rumah.

"Anak (Nurul Iman Qasrina Mohd Fauzi) balik sekolah masa itu mengadu gatal mata, sakit tekak dan mual. Esoknya makin teruk saya terus bawa ke klinik," katanya.



Mahani (kanan) dan Umi Kalshum membantu membersihkan kelas di SK Tanjung Puteri Resort.

### Murid, guru disaran pakai topeng muka

PASIR GUDANG - Semua guru dan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort akan digalakkan memakai topeng muka pada hari pertama sesi persekolahan, Ahad ini.

Guru Besarinya, Mohd Asri A Karim berkata, pemakaian topeng itu sebagai langkah berjaga-jaga.

"Kita galakkan semua murid dan guru pakai topeng muka untuk hari pertama buka sekolah Ahad ini. Pemakaian topeng muka ini juga digalakkan oleh PPD. Kita akan agih di sekolah.

"Sekiranya ada murid yang menunjukkan simptom-simptom, kita akan bertindak segera," katanya.

Menurutnya, pihak kaunseling sekolah turut bersedia berdepan mana-mana kes murid yang trauma susulan kejadian 12 Mac lalu.

"Setakat ini kita tak ada terima sebarang aduan daripada PIBG berhubung kes murid trauma tapi kalau ada kita akan bantu.

"Sebab kita jangka kalau ada kes trauma ini, murid takut nak ke sekolah



Mohd Asri menjelaskan suasana kejadian pencemaran kimia di SK Tanjung Puteri Resort, 22 Mac lalu.

tapi belum ada laporan lagi daripada ibu bapa," katanya.

Mengimbau detik cemas yang menjejaskan 858 murid dan 70 guru serta kakitangan di sekolah itu, Mohd Asri berkata, suasana ketika itu kelam kabut.

"Memang kelam kabut, panik sebab ada yang pengsan dan sesak nafas. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia arahkan sekolah dikosongkan dan jam 11 pagi sudah tiada murid.

"Pada 12 Mac itu seramai 56 murid dan seorang guru dihantar ke Dewan Komuniti Taman Pasir Putih. Sehingga petang, 20 murid dikejarkan ke hospital," katanya.

Mengulas tentang tiada penggantian kelas dan tiada anjakan tarikh peperiksaan susulan cuti bencana sebelum ini, Mohd Asri berkata, pihaknya melihat jadual anjal adalah sebagai pilihan untuk mengejar silibus.



# SINAR HARIAN

## Tiada kelas ganti: Exco

**Namun guru digalakkan adakan kelas tambahan sekiranya perlu**

RAZIATUL HANUM A  
RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

**T**iada kelas ganti untuk 111 sekolah yang ditutup akibat pencemaran Sungai Kim Kim.

Exco Pendidikan Johor, Aminolhuda Hassan berkata, guru-guru perlu mengambil inisiatif untuk menghabiskan silibus bagi pelajar menghadapi peperiksaan.

"Oleh kerana kita telah mengisytiharkan cuti sekolah itu dianggap sebab ben-

cana kecil, maka tak perlu ganti.


"Kita harapkan guru-guru dapat habiskan semua silibus walaupun mungkin terpaksa berkejar sedikit untuk menghadapi peperiksaan sebab terpaksa tutup seminggu awal," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Gotong-Royong Pasca Pencemaran Sungai Kim Kim di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, di sini, semalam.

Aminolhuda juga mengesahkan tiada anjakan tarikh peperiksaan di semua sekolah terlibat namun guru-guru digalakkan mengadakan kelas tambahan sekiranya perlu.

Katanya, beliau juga memberi jaminan keadaan sekolah selamat untuk pel-

**PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM**



Aminolhuda membantu membersihkan dua kelas.

ajar memulakan sesi pembelajaran.

"Insya-ALLAH (selamat) kerana mengikut laporan jawatankuasa bencana, semua sekolah berada dalam keadaan se-

lamat untuk dibuka semula kepada pelajar.

"Semua pihak berkaitan telah menyatakan keadaan selamat berdasarkan kepada kenyataan beberapa hari lepas," katanya.

Menurutnya, kesemua sekolah diwajibkan menjalankan gotong-royong sebelum sesi persekolahan dimulakan.

"Berdasarkan pandangan pakar juga, diwajibkan

info

Sebelum ini, 111 sekolah di Pasir Gudang diarah tutup selepas berlaku pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim

kepada semua sekolah supaya buka semua kipas, tingkap, pintu di semua bahagian blok sekolah supaya peredaran udara itu dapat berlaku.

"Taklimat khusus berkaitan keselamatan daripada pakar akan dibuat Isnin ini jam 2 petang di SMKA Johor Bahru jadi kita jemput semua guru dan ibu bapa untuk hadir," katanya.

Beliau yang sempat meluangkan masa lebih sejam dan membantu membersihkan dua buah kelas di sekolah ini sebelum merasmikan program tersebut.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SABTU 30 MAC 2019

28/3/19 - Sinar Harian

19

SENTRAL

10 JURANG EKUAD JORH, MELAKA & NEGHS SEMBLAN MOHD FIDAUZ YON - 019-7966796 & SARAH MAY KADEM - 019-8202863

## Sungai Selangkah pun tercemar?

### Penduduk dakwa hidu bau melayakan sejak tiga tahun lalu

RAZIATUL HANUM A RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

Penduduk di Taman Tanjung Puteri Resort Fasa 2 mengadu sudah muak terpaksa menghidu bau busuk yang melayakan dari Sungai Selangkah setiap hari.

Kedaaan sungai yang terletak begitu hampir dengan kediaman mereka itu kini sudah semakin 'nazak' sejak tiga tahun kebelakangan ini. Malah mereka mendakwa kedaaan menjadi semakin merisaukan pada waktu malam dan selepas hujan kerana menghidu bau yang kurang menyenangkan.

Penduduk mengesyaki punca pencemaran di Sungai Selangkah itu hasil sisa buangan daripada kilang-kilang yang terletak di sepanjang sungai itu sebelum mengalir ke Sungai Kim Kim. Pengerusi Jawatankuasa Penduduk, Mohd Shah Md Ali Hanafiah berkata, bau yang kuat dari sungai itu semakin

menjadi-jadi pada hujung minggu atau waktu cuti.

"Bau dikeluarkan itu kadang-kadang macam bau minyak tanah, sabun dan sisa kumbahan. Makin teruk masa hujung minggu atau cuti panjang. Mula jam 10 malam sampai 6 pagi memang makin kuat, lebih-lebih lagi masa hujan."

"Sekarang memang Sungai Kim Kim sahaja yang dibersihkan sebab kita nampak secara nyata sisa kimia itu dipuang ke Sungai Kim Kim tapi Sungai Selangkah ini juga tak dibersihkan akan bersambung juga ke Sungai Kim Kim memba-wa sisa pencemaran selalai."

"Jadi tak guna juga Sungai Kim Kim dibersihkan tapi Sungai Selangkah yang mengalir ke Sungai Kim Kim tidak dibersihkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau mendakwa jawatankuasa penduduk sendiri pernah menjejaki bau busuk itu ke kawasan kilang-kilang. "Ketika itu bau minyak tanah sangat kuat, jadi kami cari punca bau itu dan kami dapat hidu bau sama di sebuah kilang."

"Kita percaya pihak tidak bertanggungjawab ini melepaskan sisa secara langsung dari kilang. Tak silap saya sepanjang Sungai Selangkah ini ada macam-macam jenis kilang, ada kilang baja, kitar semula, cat dan racun," katanya.

### Bersih segera Sungai Selangkah

Katanya, Sungai Selangkah perlu dibersihkan bagi mengelakkan masalah semakin buruk pada masa akan datang.

"Kami tidaklah minta sungai ini dibersihkan sampai putih jernih, cukup



MOHD SHAH

bersih tapi cukuplah tidak berbau. Tak ada bau busuk lagi pun jadilah.

"Harapan kami kilang-kilang tidak bertanggungjawab ini diambil tindakan sebab aduan sudah dibuat berulang kali kepada pihak berkuasa tapi sampai sekarang tak ada tindakan yang drastik."

"Kadang-kadang apabila kita buat aduan, dua tiga hari atau berbulan tak ada bau langsung tapi apabila penduduk diam, tak merungut memang kembali bau busuk. Saya tak mahu insiden Sungai Kim Kim berulang lagi di Sungai Selangkah pula," katanya.

Bagi seorang lagi penduduk, Johari Salleh, 38, beberapa tahun lalu, masih terdapat hidupan air di kawasan sungai itu.

"Dulu ikan pun ada di sungai ini tapi sekarang tengok sendiriilah. Kurang pun tak ada dah."

"Dah lebih dua tahun sungai ini mati, tak ada hidupan langsung. Dah macam longkang, kita pun tak senang hati. Paling kesian anak-anak," katanya.

Sementara itu, tritjana *Sinar Harian* ke Sungai Selangkah yang terletak dalam kawasan perumahan itu mendapati air yang mengalir di sungai berkenaan keruh dan mengeluarkan bau



Kedaaan Sungai Selangkah yang tercemar dan mengeluarkan bau busuk.

### SUNGAI SELANGKAH

Sungai Selangkah bermula dari kawasan Ilir Pasir Gudang sehingga melalui antara Jalan Seluang dan Jalan Kelab sebelum mengalir ke Sungai Kim Kim.

- Jarak Sungai Selangkah dengan rumah penduduk di Taman Tanjung Puteri Resort Fasa 2 sekitar 30 meter sahaja
- Taman itu mempunyai 1,100 rumah dengan kira-kira 3,000 penduduk.



yang kurang menyenangkan.

*Sinar Harian* masih menanti maklum balas pihak berkuasa berhubung perkara ini.

Sebelum ini, Pasir Gudang dikutukan dengan insiden pencemaran kimia di Sungai Kim Kim yang menjejaskan kira-kira 4,000 penduduk.

Siang hari pun berbau, macam-macam baualah ada. Sebelum kejadian pencemaran Sungai Kim Kim, bau minyak tanah kuat betul. Rumahnya betul-betul depan sungai ini, memang risau sebab bau kuat sampai pening kepala. - Suci Nurah, Hafazah Ahmad, 35.



Sungai Selangkah yang berbau busuk begitu hampir dengan kediaman penduduk.



Pencemaran bertahun-tahun ini menyebabkan air sungai bertukar warna.



Kawasan perumahan Taman Tanjung Puteri Resort Fasa 2.



## KOSMO

Kosmo - 30/3/2019  
 111 sekolah ditutup di Pasir Gudang diisytihar cuti bencana

# Tidak perlu kelas ganti

**JOHOR BAHRU** – Semua 111 sekolah yang ditutup akibat pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim tidak perlu mengadakan kelas gantian kerana cuti yang diisytiharkan untuk sekolah terlibat merupakan cuti bencana.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan negeri, Aminolhuda Hassan (**gambar kecil**) berkata, sesi pengajaran dan pembelajaran (PNP) di semua sekolah berkenaan akan berjalan seperti biasa selepas sekolah kembali dibuka esok.

“Oleh kerana kita (sudah) isytihar dari segi keselamatan (bencana), (maka) cuti itu adalah cuti yang tidak perlu ganti.

“Peperiksaan juga tidak akan dianjak, namun guru diharapkan dapat menghabiskan silibus pembelajaran kerana



**Bencana udara berasun di Johor meruncing**  
 Keratan Kosmo 14 Mac 2019.

mereka perlu kejar seminggu (tempoh cuti pencemaran) bagi memastikan pelajar dapat berselesa hadapi peperiksaan,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Pendidikan,

Maszlee Malik pada Selasa lalu yang menyerahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk membuat keputusan sama ada cuti akibat pencemaran itu perlu diganti dengan kelas gantian atau tidak.

Aminolhuda ditemui pemberita selepas menyertai Program Gotong-Royong Pasca Pencemaran Sungai Kim Kim



**GURU-GURU dan ibu bapa Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih di Pasir Gudang, Johor bergotong-royong membersihkan kelas yang dicemari sisa kimia baru-baru ini.**

di Sekolah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort di sini semalam.

Terdahulu, beliau memberitahu semua sekolah yang terjejas akibat insiden tersebut wajib dibersihkan sehingga hari ini, sebelum dibuka semula pada Ahad ini.

“Semua tingkap dan kipas perlu dibuka untuk pastikan ada pengedaran udara. Selain itu, satu taklimat akan diadakan oleh pakar kepada sekolah terlibat pada 1 April bagi menerangkan langkah penjagaan seterusnya,” katanya. – Bernama

